

NAMA : EUNICE LIM XIAN NI

NO. MATRIK : A20EC0034

SEKSYEN : 75

Pada 10 Januari 2021 bersamaan Hari Ahad, sebuah Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual telah dijalankan dan disertai oleh dua panel yang berpengalaman yakni Prof. Dr Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr Nasruddin bin Yunos untuk membincangkan topik dekolonisasi intelektual yang kini sering berlaku. Kolonisasi ini merupakan sesuatu proses perkembangan kuasa ke tempat atau wilayah dan mendominasi ekonomi, pasaran global serta mengamalkan usaha mendapat sumber hasil dan tenaga manusia yang terdapat di negara-negara dijajah.

Ditokok lagi, dekolonisasi ini merupakan sesuatu usaha bagi membebaskan diri daripada kuasa penjajah sama ada dengan cara memperjuangkan kemerdekaan melalui rundingan rasmi ataupun melalui perang dengan pihak penjajah. Pada peringkat awal dekolonisasi ini dilakukan oleh para agama, cendekiawan dan nasionalis yang tidak ingin kedudukan mereka diancam dan hak mereka dieksplorasi oleh itu mereka berusaha untuk memerdekakan tanah air sendiri iaitu Malaysia. Walaupun proses dekolonisasi secara fizikal telah ditamatkan pada 31 Ogos 1969 tetapi dekolonisasi secara mental masih berterusan sehingga hari ini iaitu dari aspek bahasa, budaya, etika dan pemikiran kita. Sungguhpun bahasa Inggeris merupakan bahasa yang bersifat global tetapi kita sebagai rakyat Malaysia sepatutnya menguasai dan menjiwai bahasa kebangsaan kita iaitu bahasa Melayu. Tambahan pula, rakyat Malaysia yang kepelbagaiannya kaum haruslah menguasai dialek-dialek masing-masing kerana dialek-dialek tempatan inilah yang akan menonjolkan budaya dan nilai masyarakat tersebut. Pengaruh Barat terhadap paparan media massa kita seperti muzik, filem dan iklan telah semakin hari semakin menelan identiti budaya kita dan fenomena ini dikatakan amat membimbangkan. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah sedar untuk mempertahankan bahasa dan nilai kita kerana bahasa jati diri dan bahasa jiwa bangsa.

Neokolonisasi pula ialah suatu penjajahan baharu kerana amat berbeza daripada penjajahan sebelumnya. Neokolonisasi merangkumi penjajahan dari aspek ekonomi, globalisasi, teknologi, budaya dan keselamatan oleh negara maju ke atas negara yang

baru merdeka terutamanya negara Ketiga. Penguasaan berbentuk ini turut akan meninggalkan impak negatif yang besar kerana akan menyebabkan kehilangan identiti budaya dalam negara tersebut. Selain itu, politik mereka harus sentiasa bergantung kepada negara-negara maju. Secara tidak langsung, negara tersebut akan hilang kemerdekaan dan kedaulatan.

Refleksi saya selepas mendengar penyampaian topik ini ialah saya telah disedari betapa pentingnya jati diri bangsa kepada individu, keluarga dan negara. Sebagaimana yang kita ketahui, penjajahan dari segi pemikiran memang tidak dapat dielakkan dan tidak boleh dipandang rendah. Sebagai contoh, pengaruh negatif seperti budaya “black metal” amat bercanggah dengan budaya masyarakat Cina. Kita sebagai rakyat Malaysia haruslah sentiasa berwaspada supaya tidak senang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang berasal dari negara luar. Selain itu, saya juga sedar bahawa kerohanian dan agama amat penting untuk mengukuhkan jati diri kita. Hal ini kerana agama berkait rapat dengan budaya dan nilai masyarakat seperti agama Islam dengan budaya masyarakat Melayu. Dengan jati diri bangsa yang kuat, kita mampu memupuk semangat perpaduan antara rakyat. Kesannya, negara Malaysia akan menjadi lebih maju dan tidak lagi dijajah dari segi pemikiran kerana kita semua bersatu padu berusaha untuk membangunkan tanah air.

Cadangan saya ialah kita sebagai rakyat Malaysia patut berasa bangga terhadap budaya dan bahasa kita. Kepelbagaiannya kaum dan budaya yang ada di Malaysia menjadikan negara kita negara yang unik. Sebagai contoh, negara kita merangkumi kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, kaum Kadazandusun dan kaum Iban. Dengan ini, kita digalakkan untuk belajar budaya dan bahasa masing-masing. Sebagai contoh, semua kaum di Malaysia harus belajar dan menguasai bahasa Melayu. Kaum lain juga boleh menghadiri kelas bahasa Cina untuk mempelajari bahasa tersebut. Selain itu, untuk memahami etika kaum lain, kerajaan harus mengadakan kempen dan program untuk yang memperkenalkan etika bangsa di Malaysia. Kerajaan juga boleh memupuk jati diri bangsa rakyat dengan menyerap nilai patriotisme ke dalam silibus pelajar seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Dengan usaha sebegini, kita mampu mengukuhkan kedaulatan bangsa dan mengelakkan diri daripada dijajah secara mental.